

12 DEC 2001

LEAD Agong-Perlis (Bergambar)

RAJA PERLIS YANG DI-PERTUAN AGONG YANG BARU

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Syed Putra Jamalullail, 58, hari ini dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong yang baru oleh Majlis Raja-Raja Melayu.

Pemilihan itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam kenyataan dua perenggan yang dikeluarkan selepas mesyuarat khas majlis itu di Istana Negara di sini.

Mesyuarat itu juga memilih Sultan Mizan Zainal Abidin dari Terengganu sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Kedua-dua pelantikan itu adalah bagi tempoh selama lima tahun mulai esok, kata Dr Mahathir.

Tuanku Syed Sirajuddin menggantikan Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dari Selangor yang mangkat pada 21 Nov lepas.

Bagi Sultan Mizan ini adalah kali kedua baginda dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Kali pertama ialah pada 26 April 1999 ketika Sultan Selangor Almarhum Sultan Salahuddin, dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Menurut Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-Raja mempunyai kuasa untuk memilih Yang di-Pertuan Agong.

Kesemua sembilan Raja Melayu iaitu Raja Perlis, Sultan Selangor, Sultan Terengganu, Sultan Kelantan, Sultan Pahang, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Sultan Kedah, Sultan Perak dan Sultan Johor menghadiri mesyuarat khas Majlis Raja-Raja itu.

Pemilihan Raja Perlis sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 hari ini adalah mengikut giliran di kalangan sembilan negeri yang mempunyai Raja Melayu di negara ini.

Mereka bergilir menjadi Ketua Negara untuk tempoh lima tahun iaitu sistem raja berperlembagaan yang unik di dunia.

Giliran Raja Melayu dari sembilan negeri itu menjadi Yang di-Pertuan Agong genap satu pusingan apabila Sultan Azlan Shah dari Perak mengambil alih jawatan itu pada 1989.

Pusingan kedua bermula pada 1994 apabila Sultan Azlan Shah digantikan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Jaafar Tuanku Abdul Rahman.

Tuanku Abdul Rahman dari Negeri Sembilan, yang gambarnya tertera pada wang kertas Malaysia, adalah Yang di-Pertuan Agong pertama dari 1957 hingga 1960 apabila baginda mangkat ketika memegang jawatan itu.

Tuanku Syed Sirajuddin diputrakan di Arau, Perlis pada 16 Mei 1943, dan dimasyhurkan sebagai Raja Perlis di Istana Arau pada 17 April tahun lepas, sehari selepas kemangkatan ayahanda baginda Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Ayahanda baginda adalah Yang di-Pertuan Agong yang ketiga dari 1960 hingga 1965.

Tuanku Syed Sirajuddin berkahwin dengan Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid pada 15 Feb 1967 dan mereka dikurniakan seorang putera, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, 34, serta seorang puteri, Sharifah Fazira, 28.

Sultan Mizan Zainal Abidin, 39, dimasyhurkan sebagai Sultan Terengganu ke-16 pada 15 Mei 1998 dan ditabalkan pada 3 April 1999.

Baginda berkahwin dengan Permaisuri Nur Zahirah pada 28 Mac 1996 dan mereka dikurniakan seorang puteri, Tengku Nadhirah Zahrah, 5, dan seorang putera, Tengku Muhammad Ismail, 3.

-- BERNAMA

AKT AU NMO

